

Pelaksanaan Perakaunan Akruan dan Penggunaan Maklumat Akruan dalam Sektor Awam di Malaysia: Impak terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, “SDG”) berdasarkan *Maqasid Syariah*

(*Accrual Accounting Implementation and Accrual Information Usage in the Malaysian Public Sector: Impacts on Sustainable Development Goals (SDG) and Maqasid Shariah*)

Rosnia Masruki*, Mustafa Mohd Hanefah

Universiti Sains Islam Malaysia

**Corresponding Author Email: rosnia@usim.edu.my*

<https://doi.org/10.58458/ipnj.v12.01.10.0083>

Received: 31 October 2021

Reviewed: 26 June 2022

Accepted: 03 November 2022

Abstrak

Tujuan: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana pelaksanaan perakaunan dalam sektor awam di Malaysia dan penggunaan maklumat akruan tersebut dapat memberi impak terhadap pembangunan belanjawan, pengurusan aset dan liabiliti, penzahiran akauntabiliti serta pengukuran prestasi. Impak tersebut juga dikaitkan dengan Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, “SDG”) berdasarkan *Maqasid Syariah*.

Metodologi: Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah perbincangan kumpulan berfokus (*Focus Group Discussion*, “FGD”) bersama akauntan di kementerian dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia. Analisis tematik digunakan untuk menganalisis data temu bual tersebut.

Artikel ini adalah sebahagian daripada projek Kajian Penandaarasan Amalan Perakaunan Akruan dan Impak terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) berdasarkan *Maqasid Syariah* yang dibiayai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia di bawah Geran Penyelidikan Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam Bil. 1 Tahun 2021 (JANM.IPNC PD.100-3/3/2 Jld. 2(1)).

Dapatan: Kajian mendapati kementerian dan PBT yang terlibat lazimnya melaksanakan perakaunan akruan seperti termaktub dalam Pekeliling Perbendaharaan. Penggunaan maklumat akruan tersebut telah dimanfaatkan dalam pembangunan dan pengurusan belanjawan, pengurusan aset dan liabiliti tetapi sebaliknya dalam penilaian prestasi, namun masih membawa kepada penzahiran akauntabiliti yang baik dengan pelaporan yang lebih menyeluruh dan tepat. Melihat kepada strategi yang terdapat di dalam SDG dan elemen *Maqasid Syariah*, signifikan penggunaan maklumat perakaunan akruan adalah diakui menerusi impak penggunaan maklumat akruan tersebut. Kepelbagaian manfaat penggunaan maklumat akruan, secara tidak langsung impaknya, dapat menyokong usaha untuk merealisasikan SDG. Seterusnya, kedua-dua pihak kementerian dan PBT terbabit turut menyokong kepada rangka kerja pelaporan berintegrasikan SDG berlandaskan *Maqasid Syariah* sejajar dengan agenda nasional, Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

Implikasi Praktikal: Kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada pihak berwajib untuk memastikan maklumat perakaunan akruan digunakan sebaik mungkin untuk membuat keputusan dalam pengurusan kewangan. Kajian ini mencadangkan latihan dan kursus berkaitan pelaksanaan perakaunan akruan dan penggunaan maklumat akruan secara berkala perlu terus dipertingkatkan. Seterusnya, pelaporan prestasi yang komprehensif berteraskan SDG berlandaskan *Maqasid Syariah* dilihat adalah relevan.

Keaslian/Nilai: Kajian ini membuktikan penggunaan maklumat akruan secara tidak langsung dapat memberi impak terhadap SDG berdasarkan *Maqasid Syariah*.

Kata Kunci: Perakaunan sektor awam, perakaunan akruan, Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, "SDG"), *Maqasid Syariah*.

Abstract

Purpose: *The current study aims to determine the degrees of accrual accounting implementation and accrual information usage in the Malaysian public sector with relevant impacts on budget development and management, asset and liability management, accountability disclosure, and performance measurement.*

Methodology: *The present study employed a qualitative methodology, namely focus group discussion to garner relevant insights from the*

accountants in Malaysian Ministries and Local Authorities (LA). Thematic analysis was subsequently conducted for interview data analysis.

Results: *The findings revealed that accrual accounting was implemented as specified in the Malaysian Government Treasury Circular. Meanwhile, accrual information was employed in budget development and management and asset and liability management albeit less frequently in performance measurement. Accrual information usage contributed to satisfactory accountability disclosure through more comprehensive, accurate, and transparent reporting. Furthermore, accrual accounting usage produced significant positive impacts to realise sustainable development goals (SDGs) by incorporating Maqasid Shariah elements in accomplishing the national agenda of Shared Prosperity Vision 2030.*

Practical Implications: *The current study could guide relevant authorities to ensure effective accrual information application in financial management. This study also recommends continuous enhancement of periodic training programmes and courses on governmental accrual accounting implementation and accrual information usage. Additionally, comprehensive reporting of Maqasid Shariah-based SDG performance is highly emphasised. Originality/Value: The present study demonstrated that accrual information usage positively impacted SDG achievement based on Maqasid Shariah.*

Keywords: *Public sector accounting, accrual accounting, SDGs, Maqasid Shariah.*

1. Pengenalan

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan reformasi kewangan di bawah Program Transformasi Ekonomi mulai tahun 2011 yang antaranya melibatkan peralihan kepada asas akruan di peringkat Kerajaan Persekutuan, bagi tujuan memastikan ketelusan dan akauntabiliti tercapai. Kajian ini memberi tumpuan kepada impak penggunaan perakaunan asas akruan terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, “SDG”) berdasarkan *Maqasid Syariah*. Dasar Transformasi Sektor Awam dalam Model Ekonomi Baru juga mensasarkan pelaksanaan perakaunan akruan sepenuhnya, justeru Kementerian Kewangan dalam Belanjawan 2019 juga menyatakan kerajaan akan beralih sepenuhnya kepada perakaunan akruan bagi memastikan pelaporan hutang dan liabiliti yang lebih telus bagi menjamin tadbir urus yang lebih baik.

Selain itu, berdasarkan piawaian perakaunan *International Public Sector Accounting Standards (IPSAS)*, pelaporan dan perakaunan asas akruan perlu diguna pakai bagi hutang dan liabiliti. Seterusnya, pelaporan hutang tersebut adalah menepati tatacara Statistik Hutang

Sektor Awam, oleh *International Monetary Fund (IMF)*. Kesannya, ia turut menyokong kepada pengurusan polisi fiskal, polisi monetari dan tadbir urus yang lebih baik. Umum mengetahui banyak lagi faedah yang akan dinikmati dengan melaksanakan perakaunan akruan. Namun begitu, kejayaan pelaksanaan perakaunan akruan akan dapat dicapai jika ia digunakan secara optimum dalam pembuatan keputusan berkaitan ke arah amalan pengurusan kewangan yang terbaik dan meningkatkan kecekapan.

Oleh yang demikian, ia menarik minat kajian ini untuk menyiasat impak penggunaan maklumat perakaunan akruan terhadap SDG berdasarkan *Maqasid Syariah*. Kajian ini akan memperkukuhkan proses peralihan kepada perakaunan akruan dalam membentuk kerangka kerja dan pelaksanaan perakaunan akruan untuk mengoptimumkan faedah yang dapat diperolehi. Sebagaimana terbukti dalam kajian lepas yang menekankan pelaksanaan perakaunan akruan sahaja tidak mencukupi, penggunaan maklumat yang diperolehi daripada perakaunan akruan tersebut adalah lebih penting untuk tampak impak perakaunan akruan. Penggunaan perakaunan akruan tersebut akhirnya dapat menyokong usaha untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, "SDG") menerusi pengurusan kewangan yang baik dan pelaporan yang lebih telus dan menyeluruh.

Kajian ini dipercayai dapat membantu meningkatkan kepercayaan pihak pemegang taruh terhadap kebolehpercayaan dan keabsahan sistem perakaunan akruan.

2. Sorotan Kajian

2.1 Perakaunan Akruan

Perakaunan Akruan dalam sektor awam merupakan asas perakaunan bagi pelaporan kedudukan dan prestasi kewangan kerajaan yang mensasarkan pelaporan yang lebih tepat dan telus. Transformasi daripada perakaunan tunai ubahsuai kepada perakaunan akruan adalah menjurus ke arah pengurusan fiskal yang lebih cekap dan berkesan (JANM, 2014). Penggunaan perakaunan berasaskan akruan oleh kerajaan adalah elemen yang penting untuk mengubah sistem tunai birokrasi berasaskan pentadbiran kepada sistem pengurusan kewangan yang lebih informatif (Al-Tholaya, 2013). Ini adalah untuk memastikan segala bekalan maklumat kewangan yang komprehensif, boleh dipercayai serta bermakna untuk dipertanggungjawabkan dan membuat keputusan.

Perakaunan Asas Tunai dan Asas Akruan adalah berkaitan dengan pengiktirafan, iaitu bila sesuatu urus niaga itu akan diiktiraf. Pengiktirafan menjadi satu isu yang signifikan kerana ia boleh mempengaruhi kedudukan dan prestasi kewangan sesebuah organisasi bagi sesuatu tempoh masa tertentu. Perakaunan asas tunai adalah merujuk kepada pengiktirafan yang hanya akan dibuat (direkod ke dalam jurnal) berdasarkan kepada penerimaan atau pembayaran tunai sahaja sebagai asas. Ini bermakna, sekiranya sesuatu urus niaga itu melibatkan penerimaan atau pembayaran secara tertangguh (belum terima atau belum bayar), maka urus niaga berkenaan tidak akan diiktiraf (direkod) sehinggalah tunai diterima.

Dalam asas ini, catatan pelarasan tidak diperlukan dan ia senang untuk diamalkan. Asas akruan pula mengiktiraf urus niaga pada masa ia berlaku dengan mengambil kira manfaat sebagai asas pengiktirafan. Manfaat di sini termasuklah tunai dan bukan tunai (JANM, 2014).

Di Jepun, perakaunan akruan telah mula dilaksanakan sejak tahun 2003 untuk memberi gambaran yang komprehensif tentang kedudukan kewangan, terutamanya dari aspek hasil dan perbelanjaan serta menilai prestasi kerajaan (Fukiya, 2016). Menurut Tran & Noguchi (2020), kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Jepun telah mengguna pakai perakaunan akruan sejak tahun 2009 walaupun ia bukan mandatori, malah ada PBT yang telah bermula seawal tahun 2001 namun ia menjejaskan kecekapan PBT. Masalah kekurangan pengurusan aset dan ketidaksepadanan kegunaan perakaunan asas tunai dalam belanjawan secara bersama perakaunan asas akruan dikenal pasti menjadi punca kepada ketidakcekapan PBT. Sebaliknya, Lampe et al. (2015) membuktikan amalan perakaunan akruan memberi kesan yang positif kepada kecekapan, terutamanya peningkatan kecekapan dalam perihal kos di kalangan PBT di Jerman. Oleh sebab itu, walaupun perakaunan asas akruan digunakan, pengurusan aset yang strategik perlu dipertingkatkan secara optimum dan penggunaan belanjawan akruan perlu digunakan sebaiknya untuk menjamin kecekapan sektor awam.

Di negara-negara membangun seperti United Kingdom, Australia, Sweden, Switzerland dan New Zealand antara negara yang dikenali telah melaksanakan perakaunan akruan sejak awal tahun 90an telah berjaya membuktikan peningkatan kecekapan sektor awam. Di New Zealand misalnya, penggunaan perakaunan akruan selepas negara mengalami kemelesetan ekonomi dan longgokan hutang membuktikan kejayaan mereka daripada belunggu krisis kewangan (Yulianti et al., 2019). Kajian lepas juga membuktikan pelaksanaan perakaunan akruan digunakan dalam pembangunan belanjawan, pengurusan aset dan liabiliti serta penilaian prestasi dan penzahiran akauntabiliti, walaupun dapatan yang tidak seragam, namun kelebihan penggunaan perakaunan akruan tidak dinafikan (Basnan et al., 2013; Tran & Noguchi, 2020). Yulianti et al. (2019) mengenal pasti isu teknikal merupakan di antara faktor yang menyekat kepada kejayaan pelaksanaan perakaunan akruan, termasuk penilaian aset yang kurang tepat, kekurangan staf yang berkelayakan, kekurangan pengetahuan perakaunan asas akruan dan masalah IT (Alghizzawi & Masruki, 2020; Ismail et al., 2018; Ritonga, 2016; Saleh et al., 2012).

Kajian terdahulu mendapati penggunaan maklumat yang dihasilkan daripada perakaunan akruan dalam pembuatan keputusan di PBT adalah tinggi, dalam belanjawan, berbanding pengurusan aset dan liabiliti serta penilaian prestasi (Jainal & Basnan, 2018). Justeru, kajian tersebut memberi bukti empirikal bahawa faktor pengalaman mempunyai hubungan yang positif terhadap penggunaan perakaunan akruan dalam pembuatan keputusan, manakala kemahiran dibuktikan sebaliknya. Oleh itu, faktor-faktor berkenaan seharusnya diberi perhatian oleh pihak berwajib dan pengurusan atasan sektor awam supaya perakaunan akruan dapat dimanfaatkan faedahnya seperti di negara-negara maju yang lain. Faktor lain yang mempengaruhi ketersediaan pelaksanaan perakaunan akruan telah dikenal pasti dalam

kajian lepas, antaranya sumber manusia, teknologi maklumat dan budaya organisasi (Yuliati et al., 2019; Indriani et al., 2018; Ahmad, 2016; Atan & Yahya, 2015).

Menurut Maliah et al. (2016), kajian tentang isu dan amalan perakaunan di institusi kerajaan di Malaysia adalah masih kurang. Antara kajian awal adalah kajian oleh Abdul Rahman dan Goddard (1998). Kedua-dua kajian tersebut mendapati wujudnya keperluan garis panduan amalan perakaunan yang lebih terperinci seperti piawaian perakaunan yang perlu diberi perhatian, juga ketiadaan garis panduan yang lebih terperinci. Namun begitu, kajian tersebut adalah berkaitan konteks perakaunan spesifik untuk Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), yang merupakan entiti yang unik, ditadbir oleh kerajaan negeri dalam konteks Islam. Masruki et al. (2020) menegaskan organisasi berasaskan agama mempengaruhi kandungan pelaporan, seperti juga yang dibuktikan oleh Jayasinghe & Soobaroyen (2009) bagi organisasi bersandarkan agama Hindu dan Budha. Keunikan sesebuah organisasi menyatakan keperluan garis panduan masing-masing yang lebih terperinci untuk keseragaman pelaporan. Seterusnya, keseragaman tersebut dapat dinikmati faedah bagi tujuan pengurusan dalaman termasuk perbandingan dari tahun ke tahun, pengurusan prestasi dan pembuatan keputusan dengan lebih optimum. Ketidakteraturan akan menyebabkan maklumat agak sukar difahami dan digunakan (Connolly & Hyndman, 2006). Namun begitu, Masruki et al. (2018) mendapati isu pelaporan mandatori dikaitkan dengan ketidakteraturan pelaporan disebabkan kekurangan penguatkuasaan dan garis panduan.

Berdasarkan pengalaman negara-negara yang telah melaksanakannya melebihi 20 tahun dalam sektor awam, masih terdapat ketidakteraturan. Ketidakteraturan tersebut termasuk aspek berkaitan perakaunan dan pelaporan aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur awam. Penyelesaian kepada persoalan berkaitan pengiktirafan aset-aset berkenaan adalah bergantung kepada ciri-ciri aset tersebut sepertimana yang ditakrifkan dan juga bergantung kepada pertimbangan negara yang terlibat. Isu berkaitan perakaunan dan pelaporan aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur awam ini juga berkemungkinan dihadapi oleh Kerajaan Malaysia apabila peralihan kepada perakaunan asas akruan dilaksanakan (Basnan et al., 2012). Perbincangan dalam hal pengurusan aset berkenaan juga dibincangkan dalam kajian ini (Rujuk Bahagian 4.2.2). Sungguhpun demikian, sorotan kajian terdahulu menegaskan kepentingan penggunaan perakaunan akruan dalam sektor awam adalah lebih penting yang seharusnya melebihi daripada pelaksanaan perakaunan akruan sahaja. Malah telah dibuktikan di negara-negara membangun seperti New Zealand, United Kingdom, Jepun dan Jerman (Tran & Noguchi, 2020; Yuliati et al., 2019; Lampe et al., 2015). Impak penggunaan maklumat yang diperolehi daripada perakaunan akruan seterusnya, turut menyokong usaha untuk mencapai SDG berlandaskan *Maqasid Syariah* (Masruki dan Hanefah, 2021).

2.2 Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, “SDG”)

Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam Perhimpunan Agung PBB yang diadakan pada September 2015 di New York, Amerika Syarikat telah mengemukakan SDG untuk

dicapai menjelang tahun 2030. Menurut Bebbington dan Unerman (2018), SDG telah mendapat tarikan dan perhatian sebilangan besar negara anggota PBB yang secara bulat suara menyokong usaha ini, antaranya pihak kerajaan, NGO, organisasi sektor awam dan sektor swasta termasuk perniagaan dan badan profesional.

Oleh sebab itu, penyelidikan berkaitan SDG telah mula muncul dalam beberapa bidang, termasuk kewangan, perniagaan dan pengurusan (Annan-Diab & Molinari, 2017; Schaltegger et al., 2017; Storey et al., 2017). Sebahagian daripada penyelidikan ini mengenal pasti dan mengembangkan usaha pembangunan terhadap kerangka kerja SDG dalam membina dasar dan aktiviti organisasi. Begitu juga dalam literatur perakaunan, potensi SDG dan keberkesannya semakin popular dalam literatur perakaunan (Bebbington & Unerman, 2018).

Dalam kajian ini kumpulan penyelidik berpendapat bahawa kakitangan sektor awam di dalam bidang perakaunan perlu memainkan peranan penting dalam membantu menerapkan dasar perakaunan akruan di peringkat organisasi sejajar dengan usaha untuk menyumbang ke arah pencapaian SDG. Maklumat perakaunan akruan lebih telus dan menyeluruh serta dapat membantu pembuat dasar untuk melihat samada objektif tertentu SDG telah pun dicapai. Misalnya, SDG 1 penghapusan kemiskinan dalam negara, jika pengurusan kewangan diuruskan dengan baik hasil daripada pelaporan kewangan perakaunan akruan, hasrat untuk membasmi kemiskinan boleh dicapai.

Nik Wan (2005) menjelaskan bahawa perakaunan akruan dapat menawarkan faedah perakaunan terbaik dalam pengurusan sumber-sumber organisasi. Di samping itu, kajian lepas mendapati perakaunan akruan mampu memperbaiki penzahiran akauntabiliti sektor awam melalui kos sebenar perbelanjaan dan hasil kerajaan yang dilaporkan lebih telus. Hal ini berbeza dengan perakaunan berasaskan tunai, justeru jelas menuntut kepada peralihan kepada perakaunan akruan menerusi impak penggunaan yang seterusnya dapat menyokong usaha ke arah pencapaian SDG.

SDG 2030 menggariskan 17 matlamat dan antara SGD yang dipercayai relevan dalam konteks perakaunan akruan. Misalnya, i) SDG1 dan SDG2: Kemiskinan tegar dan kelaparan sifar - perakaunan akruan dapat melaporkan kedudukan kewangan dengan lebih tepat dengan keseimbangan disiplin fiskal dipercayai dapat menyokong kepada belanjawan berhemat dan mampu menyumbang kepada impak sosio-ekonomi; ii) SGD11: Bandar dan komuniti yang mampan - PBT telah mengguna pakai perakaunan akruan lebih dari 20 tahun, sewajarnya mampu mengurus kewangan secara lebih berhemat dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti dan pembangunan setempat yang lebih sejahtera; dan iii) SGD 16: Keamanan, keadilan dan institusi berwibawa - perakaunan akruan mampu memberi gambaran kedudukan kewangan institusi sektor awam yang lebih menyeluruh dan tepat.

Oleh sebab itu, ulasan di akhbar-akhbar tempatan banyak menekankan aspek integriti, tadbir urus korporat dan politik, pentadbiran sektor awam dan penguatkuasaan undang-

undang yang merupakan antara prinsip-prinsip utama untuk mencapai SDG 2030. Pelaksanaan perakaunan akruan dilihat adalah merupakan sebahagian usaha ke arah SDG 2030; dilihat sejajar dengan objektif perakaunan akruan (JANM, 2014). Secara prinsipnya, kajian ini akan meneliti amalan pelaksanaan perakaunan akruan dengan melihat impak kepada SDG berdasarkan elemen-elemen yang digariskan dalam *Maqasid Syariah*.

2.3 *Maqasid Syariah*

Istilah *Maqasid* berasal dari perkataan arab yang bermaksud prinsip, tujuan, objektif, niat, atau tujuan (Kasri & Ahmed, 2015). Digabungkan dengan istilah “al-shari’ah”, Abdul Aziz dan Mohamad (2013) mendefinisikannya sebagai “... tujuan dan objektif untuk perundangan peraturan Islam atau hanya objektif undang-undang Islam ...” (Abdul Aziz & Mohamad, 2013). Imam Al-Ghazali membahagikan *maqasid al-shari’ah* kepada lima elemen penting, yang terdiri daripada agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Ascarya & Sukmana, 2014; Bedoui, 2012). Indikator *Maqasid Syariah* dikembangkan untuk mencapai kepentingan individu dan awam (Abubakar, 2016). Ini adalah dasar untuk merancang peraturan dalam sistem ekonomi Islam yang memahami nilai, ukuran dan tahap (Abdullah, 2012).

Objektif *Syariah (Maqasid Syariah)* adalah mencari kebaikan dan mencegah dari segala kemudaratan (*jalb al-manfa’ah wa daf’ al-madarrah*) kepada kehidupan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa (Fisol & Hassan, 2019; Fisol et al., 2017). Setiap perkara di dalam kehidupan manusia mempunyai objektif dan tujuannya bagi memastikan kebajikan umum (*maslahah*) manusia sejagat dipelihara dari segala kemungkaran dan penindasan selaras dengan Shariat Islam yang syumul. ini merangkumi pemeliharaan agama (*al-din*), pemeliharaan nyawa (*al-nafs*), pemeliharaan akal (*al-’aql*), pemeliharaan keturunan (*al-nasb*) dan pemeliharaan harta (*al-mal*) yang berada di dalam ruang lingkup kategori utama di dalam *Maqasid Syariah* iaitu keperluan (*daruriyyah*), kehendak (*hajiyyah*) dan keselesaan (*tahsiniiyyah*) (Al-Ghazali, 1998).

Menurut Fisol dan Hassan (2019), belanjawan tahun 2019 yang dibentangkan oleh Kerajaan Malaysia adalah menepati objektif *Syariah (Maqasid Syariah)* ke arah mencari kebaikan dan mencegah dari segala kemudaratan bagi memastikan keadilan dan kebajikan rakyat diperolehi secara keseluruhan tanpa membezakan bangsa dan agama. Kajian lepas juga menyatakan bahawa pengurusan perakaunan yang berkesan melalui strategi penjajaran dalam kewangan Islam memberi kesan yang positif terhadap peningkatan terhadap *Maqasid Syariah* (Laela et al., 2018).

Konsep *Maqasid Syariah* ini banyak digunakan di bidang sistem kewangan Islam, terutamanya untuk melihat prestasi perbankan Islam (Antonio et al., 2012; Ascarya & Sukmana, 2014; Hamid et al., 2016; Mohamad, Ali, & Sharif, 2016; Mohammed & Taib, 2010). Konsep ini juga telah dikaji untuk mengkaji industri bukan kewangan (Hanefah et al., 2021). Ia telah digunakan dengan teliti untuk mengamati prosedur penjagaan kesihatan (Ismail et al., 2016) dan kemudahan penjagaan kesihatan (Ismail et al., 2016). Selanjutnya, ia

telah digunakan untuk mengukur prestasi organisasi bukan keuntungan (Kamaruddin et al., 2021; Kasri, 2016; Pailis et al, 2016) dan untuk merancang model pembangunan manusia (Oladapo & Rahman, 2016). Beberapa penyelidikan mengenai sektor awam juga menggunakan konsep ini untuk mengukur prestasi kakitangan awam (Mohamad et al., 2016) dan visi prestasi etika dalam Islam (Bedoui & Mansour, 2014).

Dalam membincangkan kepelbagaian bidang ilmu, politik dan dasar negara, secara amnya *Maqasid Syariah* telah dihuraikan secara meluas selain menjadi sebutan di kalangan masyarakat awam (Yunos, 2019). Ini kerana istilah *Syariah* itu sendiri mempunyai 5 tujuan yang menjadi prinsip *Maqasid Syariah* iaitu menjaga dan melindungi i) agama, ii) nyawa, iii) akal, iv) keturunan dan v) harta, manakala sebarang bentuk perlindungan adalah berkait rapat dengan *maslahah* (kepentingan) (Fisol & Hassan, 2019). Kajian lepas merumuskan menjaga masalah awam dengan berpegang kepada *Syariah* adalah sangat dituntut untuk kepentingan sekalian alam (Zakariyah et al., 2017). Jika dilihat dalam konteks kajian ini yang melihat peralihan kepada perakaunan asas akruan iaitu melibatkan perubahan dasar - piawaian perakaunan kerajaan atau lebih dikenali sebagai *Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS)*, memfokuskan sejauh mana penggunaan perakaunan akruan di Malaysia memberi impak terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals, "SDG"*) berdasarkan *Maqasid Syariah*. Kajian ini dipercayai mampu memperkukuhkan lagi usaha Jabatan Akauntan Negara dalam melaksanakan sepenuhnya perakaunan asas akruan menjelang tahun 2021. Oleh yang demikian, kejayaan amalan perakaunan akruan tidak hanya dilihat dengan pelaksanaan sahaja, namun lebih penting lagi adalah penggunaan maklumat perakaunan akruan tersebut (Jainal dan Basnan, 2018). Maklumat tersebut menghasilkan pelaporan yang lebih telus yang dapat dimanfaatkan penggunaannya dalam pembuatan keputusan berkaitan pengurusan kewangan dan kemudiannya dapat menyokong kepada pencapaian strategi SDG dalam sektor awam.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini telah dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah perbincangan kumpulan fokus (*Focus Group Discussion, "FGD"*) yang melibatkan akauntan profesional dengan dua akauntan daripada kementerian, dua akauntan dan seorang pegawai penilai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia. Bagi pengumpulan data, terdapat dua kaedah yang telah digunakan dalam kajian ini iaitu sorotan kajian dan FGD. Bagi kaedah pertama, penelitian ke atas kajian-kajian lepas telah dilakukan dengan membandingkan amalan perakaunan akruan berkaitan dengan aspek yang dibincangkan. Ini diikuti dengan perbincangan kumpulan fokus dengan lima orang responden terlibat secara atas talian (*online*) dengan menggunakan platform *Google Meet*.

Terdapat dua sesi temu bual dijalankan, di mana sesi pertama diadakan pada tarikh 21 Jun 2021 bersama akauntan di peringkat kementerian dan sesi kedua bersama akauntan dan pegawai penilai daripada PBT. Pada setiap sesi perbincangan kumpulan fokus, masa yang diambil adalah sekitar satu hingga dua jam. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklumat lanjut

dan gambaran yang lebih jelas tentang penggunaan maklumat perakaunan. Setiap perbualan direkodkan oleh penyelidik, dengan mendapat keizinan pegawai yang terlibat, yang kemudiannya dipindahkan dalam bentuk teks (*transcription*) untuk tujuan analisa data dan rujukan kemudiannya. Penyelidik turut menyediakan nota catatan semasa sesi perbincangan kumpulan fokus berlangsung. Penyelidik juga turut membandingkan nota catatan dengan transkrip yang disediakan untuk memastikan maklumat yang diperolehi melalui temu bual lisan dan yang dicatat adalah sama seperti yang terdapat dalam transkrip. Apabila maklumat yang diperolehi daripada perbincangan kumpulan fokus tidak mencukupi atau memerlukan penjelasan lanjut, penyelidik akan menghubungi akauntan dan pegawai penilai yang terlibat melalui telefon atau emel bagi mendapatkan maklumat tersebut.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Penulisan dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua iaitu mengenai latar belakang peserta perbincangan kumpulan fokus dan penggunaan maklumat perakaunan akruan dan impak terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, “SDG”) berdasarkan *Maqasid Syariah*.

4.1 Latar Belakang Peserta

Jadual 1: Maklumat Latar Belakang Peserta

Peserta	Jantina	Tempat Bertugas	Jabatan/Unit	Jawatan
K1-A	Lelaki	Kementerian (K1)	Bahagian Akaun	Akauntan
K1-B	Perempuan	Kementerian (K1)	Bahagian Akaun	Akauntan
PBT1-C	Lelaki	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT1)	Jabatan Perbendaharaan	Ketua Akauntan
PBT2-D	Perempuan	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT2)	Jabatan Kewangan	Akauntan
PBT1-E	Lelaki	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT1)	Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	Ketua Penilaian

Berdasarkan tema yang diperolehi daripada sesi FGD, maklum balas peserta dijelaskan dan diringkaskan berdasarkan beberapa aspek penggunaan perakaunan akruan.

4.2 Penggunaan Maklumat Perakaunan Akruan

Maklumat perakaunan merangkumi kesemua maklumat sama ada maklumat dalaman atau luaran bagi pembuatan keputusan (Wood & Sangster, 2002). Ia adalah maklumat yang paling tepat, lengkap dan berfungsi dalam pengurusan kewangan (Mack & Ryan, 2003) dan pembuatan keputusan pihak pengurusan (Mihaela et al., 2012). Kejayaan pelaksanaan perakaunan asas akruan ditentukan antaranya oleh sejauh mana maklumat perakaunan

yang dihasilkan daripada perakaunan asas akruan tersebut digunakan dalam pengurusan kewangan (Jainal & Basnan, 2018). Dapatan kajian ini akan mengenal pasti tahap penggunaan maklumat perakaunan akruan oleh kakitangan awam di Malaysia dalam belanjawan, pengurusan aset dan liabiliti, penilaian prestasi dan penzahiran akauntabiliti serta hubung kait dengan SDG berdasarkan *Maqasid Syariah*.

4.2.1 Belanjawan

Peserta dalam perbincangan kumpulan fokus diminta memberi pandangan mereka mengenai penggunaan maklumat perakaunan akruan dalam belanjawan. Berkenaan perkara ini, peserta K1-B menyatakan bahawa:

“Di peringkat kementerian kategori belanjawan sebelum ini tidak mempunyai perakaunan akruan. Maklumat belanjawan adalah berdasarkan peratus (%) belanja dan sasaran untuk tahun berikutnya. Belanjawan adalah berdasarkan cash basis. Apabila implementasi sistem perakaunan akruan di kementerian, maklumat belanjawan adalah berdasarkan perakaunan akruan. Penggunaan sistem perakaunan akruan berjaya membuat perbelanjaan menjadi lebih teratur”.

Hasil dapatan ini selari dengan dapatan kajian Scheers (2005), di mana maklumat perakaunan akruan digunakan dalam kawalan kewangan dan membentuk pengurusan dalaman yang lebih cekap dan berkesan, meningkatkan tahap kerelevanan Laporan Kewangan. Tujuan umum bagi pembuatan keputusan ekonomi (Micallef, 1994), seperti dalam perancangan belanjawan serta membuat perbandingan prestasi antara organisasi yang lebih baik (Zarandi et al., 2013). Selain daripada itu, peserta K1-A juga menyatakan penggunaan perakaunan akruan di dalam belanjawan adalah:

“Apabila sistem belanjawan menjadi teratur dan terkawal, prestasi belanjawan juga dapat dipantau dari semasa ke semasa dan pemantauan akan dibuat ke atas setiap jabatan/bahagian/agensi terlibat. Penggunaan sistem perakaunan akruan ini juga membolehkan kementerian untuk mengawal perbelanjaan setiap agensi/jabatan/bahagian yang bernaung di bawah kementerian terbabit”.

Sungguhpun demikian, hasil dapatan perbincangan kumpulan fokus ini bercanggah dengan kajian Paulsson (2006), di mana maklumat perakaunan akruan didapati kurang digunakan dalam belanjawan dan pembuatan polisi. Hal ini kerana, maklumat perakaunan akruan yang sukar untuk difahami. Connolly dan Hyndman (2006) menyatakan bahawa maklumat perakaunan akruan kurang digunakan berdasarkan dapatan kajiannya yang mendapati pekerja Jabatan Kewangan berpendapat maklumat perakaunan akruan hanya dibincangkan di peringkat pengurusan tertinggi sahaja.

Manakala Akauntan Operasi pula kurang pasti sama ada maklumat perakaunan akruan telah digunakan kerana prosesnya yang sangat kompleks dan kurang difahami. Namun begitu, para peserta Kementerian dan PBT kesemuanya menegaskan bahawa penggunaan maklumat akruan banyak membantu dalam menyediakan belanjawan. Akauntan PBT1-C menyebut maklumat akruan perlu diambil kira untuk memastikan kecukupan tunai dalam pengurusan dana. Sebagai contoh, belanjawan pembayaran kepada pembekal, pembangunan dan seumpamanya, menjelaskan penggunaan perakaunan akruan dalam penyediaan perancangan belanjawan dan bagi tujuan pemantauan belanjawan tersebut. Kajian ini menyatakan penggunaan maklumat perakaunan akruan dapat menyokong usaha untuk mencapai SDG, keberhasilan daripada belanjawan yang diuruskan menggunakan maklumat akruan.

4.2.2 Pengurusan Aset dan Liabiliti

Semasa perbincangan kumpulan berfokus dijalankan, peserta K1-B mengakui menggunakan perakaunan akruan dapat memudahkan tugas. Antara perkara yang sering ditimbulkan adalah berkaitan rekod keluar dan masuk serta pelaporan. Dapatan ini menunjukkan betapa pentingnya penggunaan maklumat perakaunan akruan di dalam pengurusan aset dan liabiliti. Berikut antara intipati maklumat yang disampaikan oleh peserta K1-B:

“Penggunaan maklumat perakaunan akruan juga dapat dilihat dalam pengurusan aset. Daftar aset dan rekod keluar masuk menjadi lebih tersusun dan cekap dengan penggunaan perakaunan akruan membolehkan pelaporan dihasilkan dengan lebih mudah. Jika sebelum ini, rekod adalah dengan menggunakan manual, tetapi dengan penggunaan maklumat perakaunan akruan lebih memudahkan Kementerian untuk mengetahui aset-aset yang masih diguna pakai atau yang telah lupus”.

Beberapa kajian mendapati maklumat perakaunan akruan paling banyak digunakan dalam pembuatan keputusan (Andriani et al., 2010; Kober et al., 2010; Sousa et al., 2013) serta membuat perbandingan prestasi antara organisasi yang lebih baik (Zarandi et al., 2013). Namun begitu, menurut Christiaens et al. (2008), tidak seperti kebanyakan aset fizikal kerajaan, masih terdapat persoalan dan perdebatan dari segi pelaporan kewangan pengurusan aset. Begitu juga dengan aset infrastruktur awam seperti jalanraya, jambatan dan terusan yang mempunyai nilai yang tinggi dan jangka hayat yang panjang sehingga menimbulkan persoalan tentang penentuan kos perolehan dan susut nilai aset berkenaan (Wynne, 2004).

Menyentuh isu yang seringkali dibangkitkan tentang salah satu kesukaran dalam proses peralihan kepada perakaunan asas akruan ialah menentukan baki awal aset tetap. Peserta PBT1-C memperincikan aspek penilaian semula aset yang agak mencabar. Proses ini dilakukan bukan sekadar setahun sebaliknya sehingga tiga tahun. Walau bagaimanapun, bagi kategori aset warisan yang dikatakan menjadi isu di Kementerian, peserta PBT2-D

berkata aset warisan tidak relevan di PBT beliau kerana aset warisan seperti muzium dikelolakan oleh Kementerian Pelancongan. Namun, aset hidup dimiliki seperti haiwan iaitu angsa di taman tasik adalah relevan bagi kebanyakan PBT dan diakui penilaian semula aset berkenaan juga agak mencabar. Beliau menambah lagi, PBT2 telah mula menggunakan perakaunan akruan secara sepenuhnya dalam penyata kewangan sejak 2017 dan tahun 2019 telah mempersembahkan Penyata Kewangan berasaskan akruan sepenuhnya, termasuk item aset dan susut nilai. Di peringkat persekutuan, selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan pada tahun 2018, JANM telah menggubal piawaian perakaunan asas akruan yang dikenali sebagai MPSAS (*Malaysian Public Sector Accounting Standards*). Bermula tahun 2013, terdapat 25 MPSAS telah diadaptasi daripada *International Public Sector Accounting Standards (IPSAS)* yang dikeluarkan oleh *International Federation of Accountants (IFAC)*. Manakala, Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan (JPPA) bertanggungjawab dalam menyediakan dan meluluskan polisi perakaunan akruan melibatkan aset, liabiliti, hasil dan perbelanjaan.

Peserta PBT1-C berkata kesan ketara terhadap Penyata Kewangan bukan disebabkan peralihan kepada perakaunan akruan tetapi sebelum dan selepas MPSAS. Beliau memberi contoh senario sebelum MPSAS, pelaksanaan akruan bergantung kepada PBT masing-masing. Misalnya, PBT2 menggunakan perakaunan akruan dalam hasil cukai manakala PBT1 untuk cukai dan sewaan. Begitu juga dengan aset, sebelum MPSAS diperkenalkan, PBT1 hapus kira (*write off*) aset yang bernilai rendah dan menjejaskan amaun aset modal. Hal ini menunjukkan MPSAS dilihat menyumbang kepada keseragaman dalam pelaksanaan perakaunan akruan.

Seperti jua di kementerian yang disebut oleh akauntan K1-B, aset di PBT2 akan dipermodalkan apabila nilai aset mencecah RM2,000 yang sebelumnya adalah RM1,000. Ini menjelaskan bahawa penentuan nilai siling tersebut bergantung kepada pihak pengurusan seperti yang dinyatakan oleh akauntan PBT2-D. Penentuan hal sebegini diletakkan di bawah skop Jawatankuasa Kewangan PBT dan diperakukan dalam Mesyuarah Ahli Majlis. Ini meringkaskan bahawa amalan perakaunan akruan di Persekutuan juga mempengaruhi pelaksanaan di peringkat kerajaan yang lain.

Pegawai penilaian PBT2-E pula menerangkan tentang beberapa jenis aset yang biasanya memerlukan penilaian. Nilai siling yang dimaksudkan merujuk kepada inventori manakala jika di bawah RM2,000 aset akan dikategorikan sebagai hapus kira aset. Berdasarkan MPSAS 12 berkaitan inventori, seperti jua aset hidup beberapa faktor perlu diambil kira. Antaranya termasuk faktor ekonomi, permintaan, fasiliti, peluang pekerjaan dan pusat pendidikan yang mempengaruhi kenaikan harta tanah di sesuatu kawasan.

MPSAS digunakan sepenuhnya pada tahun 2017 yang menggesa organisasi untuk mengenal pasti nilai semasa aset, justeru penilaian semula perlu dibuat terhadap aset hartanah seperti bangunan. Contoh lain kesan MPSAS ialah jalan raya dipermodalkan sebagai aset, antara lain termasuk perabot di tepi-tepi jalan, longkang dan seumpamanya

yang membezakan perbelanjaan hasil bagi tujuan penyelenggaraan. Akauntan PBT1-C pula menjelaskan apabila aset mengikut nilai semasa, nilai aset menjadi tinggi dan begitu juga susut nilai yang tinggi yang memberi kesan Penyata Kewangan yang negatif. Yang-Dipertua (YDP) Majlis pula tidak dapat menerima Penyata Kewangan yang negatif, yang menyatakan pemikiran pihak pengurusan yang masih tidak secara akruan.

Akauntan PBT1-C mengakui tadbir urus PBT adalah di bawah bidang kuasa *Local Government Act (LGA) 1976* Akta 171 dan dalam masa yang sama PBT juga menggunakan MPSAS. Beliau menambah lagi Akta LGA tidak pernah digubal dan ia tidak standing dengan MPSAS dalam perihal perakaunan dan pelaporan kerana Akta 171 hanya menyentuh bab kewangan secara minima, di Bahagian V: Kewangan yang tidak dikemaskini dengan perubahan zaman menjadikan MPSAS sebagai rujukan PBT. Walaupun PBT diletakkan dalam bidang kuasa kerajaan persekutuan KPKT, LGA Akta 171 memperuntukkan bahawa penyata kewangan hendaklah disediakan mengikut kehendak kerajaan negeri masing-masing. Justeru, dengan adanya MPSAS ia dapat membantu keseragaman perakaunan dan pelaporan yang lebih berdaya saing dan ini menunjukkan peranan peringkat persekutuan dilihat amat penting dalam memastikan penyelarasan di semua peringkat sektor awam.

Menurut Bahari et al. (2019), perakaunan akruan merupakan asas perakaunan yang membolehkan liabiliti hutang kerajaan dipantau, pelaporan kedudukan serta prestasi kerajaan dijana dengan lebih telus dan tepat. Selain itu, perakaunan akruan memberikan maklumat mengenai kedudukan kewangan keseluruhan entiti dan stok aset dan liabiliti semasa (Mussa, 2007). Oleh itu, pihak kerajaan memerlukan maklumat ini untuk membuat keputusan mengenai kemungkinan membiayai perkhidmatan yang ingin mereka berikan dan untuk menunjukkan kebertanggungjawaban dan akauntabiliti kepada masyarakat (Masruki et al., 2022) terhadap pengurusan aset dan liabiliti mereka. Sebagai tambahan, maklumat ini diakui dalam penyata kewangan dan kerajaan dapat merancang keperluan penyelenggaraan dan penggantian aset di masa hadapan. Pihak kerajaan juga dapat merancang pembayaran balik liabiliti sedia ada dan menguruskan kedudukan tunai dan keperluan pembiayaan dengan lebih baik (Mahat & Ali, 2012).

Ini disokong oleh peserta K1-A yang menyatakan bahawa:

“...amalan perakaunan akruan tersebut mempengaruhi kedudukan kewangan organisasi dari sudut pelaporan aset, liabiliti dan ekuiti. Secara tidak langsung, ia memberi impak kepada skop kerja. Hal ini kerana item-item yang baru akan wujud dengan adanya sistem perakaunan akruan ini. Saya bersetuju dengan penggunaan maklumat perakaunan akruan ini membuatkan urusan menjadi lebih cepat.”

Chan (2003) menegaskan perakaunan akruan memerlukan organisasi untuk menyimpan rekod lengkap aset dan liabiliti untuk memudahkan pengurusan aset yang lebih baik. Ini

termasuk perihal penyelenggaraan, polisi penggantian, pengenalpastian dan pelupusan lebih aset, dan pengurusan risiko seperti kerugian akibat pencurian atau kerosakan yang lebih berkesan dan cekap. Pengenalpastian aset dan pengiktirafan susut nilai membantu pengurus untuk memahami kesan penggunaan aset tetap dalam penyampaian perkhidmatan, dan mendorong pengurus untuk mempertimbangkan kaedah alternatif untuk mengurus kos dan memberikan perkhidmatan (Wooldridge et al., 2001). Begitu juga di PBT, penggunaan maklumat akruan dalam pengurusan liabiliti tidak menjadi isu dalam amalan perakaunan akruan kerana mereka telah lama mengamalkan perakaunan akruan.

Oleh yang demikian, kajian ini merumuskan penggunaan maklumat yang diperolehi daripada perakaunan akruan memperlihatkan impak terhadap pencapaian SDG, melalui pengurusan aset dan liabiliti yang lebih baik, sejajar dengan prinsip *Maqasid Syariah*. Selain itu, PBT turut mengenengahkan perakaunan akruan dalam aspek penilaian prestasi, seperti yang dinyatakan oleh para peserta PBT.

4.2.3 Penilaian Prestasi

Perakaunan akruan merupakan asas perakaunan bagi pelaporan kedudukan dan prestasi kerajaan yang lebih tepat dan telus. Menurut Lampe et al. (2015), amalan perakaunan akruan memberi kesan yang positif kepada kecekapan PBT di Jerman. Di negara-negara membangun seperti United Kingdom, Australia, Sweden, Switzerland dan New Zealand antara negara yang dikenali telah melaksanakan perakaunan akruan sejak awal tahun 90an telah berjaya meningkatkan kecekapan sektor awam. Di New Zealand misalnya, penggunaan perakaunan akruan selepas negara mengalami kemelesetan ekonomi dan longgokan hutang membuktikan kejayaan mereka daripada belunggu krisis kewangan (Yulianti et al., 2019). Kajian lepas membuktikan pelaksanaan perakaunan akruan digunakan dalam penilaian prestasi, walaupun dapatan yang tidak seragam, namun kelebihan penggunaan perakaunan akruan tidak dinafikan (Basnan et al., 2013; Tran & Noguchi, 2020). Dapatan ini disahkan oleh Peserta K1-A di mana beliau menyatakan:

“Apabila sistem belanjawan menjadi teratur dan terkawal, prestasi belanjawan juga dapat dipantau dari semasa ke semasa dan penilaian akan dibuat ke atas setiap jabatan/bahagian/agensi terlibat. Penggunaan sistem perakaunan akruan ini juga membolehkan Kementerian untuk mengawal perbelanjaan setiap agensi/jabatan/bahagian yang bernaung di bawah Kementerian terbabit.”

Peserta K1-A turut menambah sokongan mengenai keperluan dalam pengurusan prestasi oleh sesebuah organisasi:

“Seperti yang telah dimaklumkan agensi/jabatan/bahagian yang terdapat di dalam setiap Kementerian akan dipantau prestasi. Pemantauan prestasi ini termasuk juga perkara berkaitan akaun dan kewangan. Sebagai contoh jika

sesebuah agensi/jabatan/bahagian telah menetapkan sasaran belanjawan/perbelanjaan mengikut tempoh masa yang ditetapkan seperti 3 bulan/6 bulan dan 1 tahun. Sasaran belanjawan/perbelanjaan tersebut mestilah dipatuhi. Jika tidak mengikut seperti yang ditetapkan pihak naziran setiap kementerian akan memberi surat tunjuk sebab atas ketidakpatuhan tersebut. Kebiasaannya pihak naziran akan turun padang untuk melihat dokumen transaksi bagi memastikan pihak agensi/jabatan/bahagian dapat mematuhi polisi atau dasar yang telah ditetapkan.”

Menurut Jainal dan Basnan (2018), isu teknikal merupakan di antara faktor yang menyekat kepada kejayaan pelaksanaan perakaunan akruan, termasuk penilaian aset yang kurang tepat, kekurangan staf yang berkecukupan, kekurangan pengetahuan perakaunan asas akruan dan masalah IT. Sungguhpun demikian, penggunaan maklumat perakaunan akruan di PBT dalam pembuatan keputusan berkaitan pengurusan prestasi adalah tinggi.

Peserta PBT1-C melihat perakaunan akruan dalam penilaian prestasi dari sudut yang berbeza. Terdapat beberapa penilaian prestasi di PBT yang dikendalikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), negeri dan pengurusan PBT sendiri, namun elemen akruan adalah tidak berkaitan. Misalnya, dari segi penyediaan belanjawan, jika defisit tiada markah yang diberikan, jika lebih belanjawan maka markah penuh akan diberikan manakala jika belanjawan seimbang markah adalah separuh. Ini menjelaskan bahawa sistem penilaian prestasi tersebut tidak menyokong kepada penggunaan perakaunan akruan. Sedangkan bagi menaiktaraf pembangunan, belanjawan menunjukkan defisit kerana peruntukan perbelanjaan dan penggunaan rizab diperlukan bagi tujuan pembangunan tersebut. Oleh yang demikian, jika belanjawan defisit dihantar kepada KPKT, tiada markah diberikan. Ini jelas menunjukkan perbandingan prestasi adalah merujuk kepada elemen tunai sahaja dan asas akruan dilihat seperti tidak relevan.

Kesukaran untuk memahami perakaunan akruan dan mengaplikasikan amalan tersebut ditambah pula dengan kekurangan kemahiran, kekurangan bilangan staf, tarikh akhir kerja yang ketat di samping bidang tugas kerja yang padat menyukarkan untuk menikmati faedah penggunaan perakaunan akruan yang optimum. Justeru, isu ini perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan organisasi dan pihak berwajib dalam meminda dasar dan polisi berkaitan, kerana kajian lepas menunjukkan peranan perundangan, penguatkuasaan dan garis panduan sangat berkesan dalam pelaksanaan sesuatu peralihan (Doorgakunt et al., 2021; Masruki et al., 2018). Justeru itu, dapatan kajian ini kurang tampak impak penggunaan perakaunan akruan dalam penilaian prestasi terhadap SDG, disebabkan kesukaran pelaksanaan perakaunan akruan itu sendiri dalam penilaian prestasi.

4.2.4 Penzahiran Akauntabiliti

Maklumat perakaunan akruan agak kurang digunakan di tahap maksimum kerana ia lebih digunakan untuk menzahirkan akauntabiliti kepada Jabatan Audit (Alijarde, 1997). Peserta

PBT1-C juga bersetuju dengan keperluan mematuhi juruaudit bukan pembuat keputusan seperti ahli majlis dan seumpamanya. Perkara ini turut dibuktikan dalam kajian yang dijalankan oleh Masruki et al. (2018) yang menjelaskan tanggapan audit mempengaruhi pendedahan maklumat dalam laporan tahunan. Mack dan Ryan (2006) mendapati maklumat perakaunan akruan lebih digunakan untuk memenuhi tujuan akauntabiliti kewangan dan akauntabiliti awam berbanding tujuan pembuatan keputusan. Ini kerana maklumat yang disediakan daripada laporan untuk memenuhi akauntabiliti agak berbeza dengan maklumat yang bersifat pembuatan keputusan memandangkan sektor awam yang merupakan sektor yang bukan bermotifkan keuntungan dan kedudukan kewangan bukan sesuatu yang kritikal (Masruki et al., 2022). Oleh yang demikian, Peserta K1-A menyatakan bahawa:

“Seperti yang telah dimaklumkan agensi/jabatan/bahagian yang terdapat di dalam setiap kementerian akan dipantau prestasi. Pemantauan prestasi ini termasuk juga perkara berkaitan akaun dan kewangan. Sebagai contoh, jika sesebuah agensi/jabatan/bahagian telah menetapkan sasaran belanjawan mengikut tempoh masa yang ditetapkan seperti 3 bulan/6 bulan dan 1 tahun. Sasaran belanjawan tersebut mestilah dipatuhi. Jika tidak mengikut seperti yang ditetapkan pihak naziran setiap kementerian akan memberi surat tunjuk sebab atas ketidakpatuhan tersebut. Kebiasaannya pihak naziran akan turun padang untuk melihat dokumen transaksi bagi memastikan pihak agensi/jabatan/bahagian dapat mematuhi polisi atau dasar yang telah ditetapkan”.

Dapatan ini disokong oleh Stewart (1984) yang mengklasifikasikan akauntabiliti kepada 4 tujuan iaitu akauntabiliti untuk pematuhan, prestasi, prosedur dan polisi. Peserta K1-B turut bersetuju bahawa penggunaan maklumat perakaunan akruan akan menzahirkan akauntabiliti melalui skop kerja yang dilakukan:

“...penggunaan perakaunan akruan ini dapat memudahkan urusan pegawai dalam merekod setiap transaksi/aset dan sebagainya. Hal ini dapat diterjemahkan melalui pelaporan yang bersistematik dan efisien yang mana menzahirkan akauntabiliti dalam tugas secara am dan keseluruhan bagi kementerian”.

Oleh yang demikian, dapatan kajian ini membuktikan bahawa impak amalan perakaunan akruan dapat dimanfaatkan penggunaannya dalam pembangunan belanjawan, pengurusan aset dan liabiliti serta penzahiran akauntabiliti dalam sektor awam, namun dibuktikan sebaliknya bagi tujuan penilaian prestasi. Perbincangan dapatan seterusnya melihat hubung kait penggunaan perakaunan akruan tersebut terhadap SDG.

4.3 Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals, “SDG”*)

SDG 2030 menggariskan 17 matlamat dan antara SDG yang dipercayai relevan di dalam konteks perakaunan akruan, misalnya: i) SDG1 dan SDG2: Kemiskinan tegar dan kelaparan sifar - perakaunan akruan dapat melaporkan kedudukan kewangan dengan lebih tepat dengan keseimbangan disiplin fiskal dipercayai mampu menyokong kepada belanjawan berhemat yang mampu menyumbang kepada impak sosio-ekonomi; ii) SDG11: Bandar dan komuniti yang mampan - PBT telah mengguna pakai perakaunan akruan lebih dari 20 tahun, sewajarnya mampu mengurus kewangan secara lebih berhemat dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti dan pembangunan setempat yang lebih sejahtera. iii) SDG 16: Keamanan, keadilan dan institusi berwibawa - perakaunan akruan mampu memberi gambaran kedudukan kewangan institusi sektor awam yang lebih menyeluruh dan tepat. Umumnya, dapatan kajian ini mendapati PBT telah terdahulu mengamalkan perakaunan akruan berbanding kementerian. PBT juga menyebut telah mula menyediakan pelaporan bagi setiap SDG dan terdapat hubung kait kedua-dua aspek pelaksanaan perakaunan akruan dan penggunaan maklumat akruan tersebut dapat dilihat secara tidak langsung. Sebaliknya daripada kaca mata peserta di kementerian, perakaunan akruan agak terkemudian dan perkaitan antara SDG dan juga perakaunan akruan tidak disedari secara langsung.

Berbeza dengan PBT di Lembah Klang yang terlibat dalam FGD ini, mereka berkata penyediaan laporan khas SDG VLR (*Voluntary Local Review*) adalah digalakkan untuk penilaian prestasi. Ini terbukti dengan laporan akhbar tempatan yang melaporkan PBT berkenaan telah melaporkan pengukuran sasaran dan penunjuk SDG yang disasarkan sehingga tahun 2030 (Utusan, 2021). Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa kesemua peserta PBT bersetuju bahawa perakaunan akruan yang mereka amalkan sebenarnya memberi impak terhadap SDG tanpa disedari secara tidak langsung. Berikut adalah antara ungkapan Peserta K1-B mengenai hubung kait perakaunan akruan dan SDG:

“Pertama kali juga saya mendengar perkaitan mengenai SDG ini dengan perakaunan akruan. Pada pandangan saya, mungkin secara indirectly ia mempunyai kaitan. Sebagai contoh, SDG 1: Secara indirectly perakaunan akruan mewujudkan transaksi yang transparent. Hal ini seterusnya dapat mengelakkan pembaziran sumber atau dana yang akan dapat digunakan untuk menyumbang kepada perkara yang lebih penting bagi pembangunan masyarakat yang kurang bekemampuan”.

Selain itu, Peserta K1-A turut bersetuju dengan mengulas seperti berikut:

“Ia benar, secara tidak langsung perakaunan akruan ini mempunyai kaitan dengan SDG. Sebagai contoh, kementerian kami adalah pihak yang terlibat secara langsung dengan pengurusan aset keselamatan negara. Ini dapat dikaitkan dengan SDG 11: Bandar dan komuniti mampan. Melalui penggunaan maklumat perakaunan akruan/sistem perakaunan akruan,

pihak kami dapat meningkatkan tahap keselamatan negara. Aset-aset pihak polis dan lain-lain dapat dipertingkatkan melalui penggunaan sistem yang cekap. Prestasi aset-aset ini juga dapat dipantau daripada semasa ke semasa. Misalnya, kereta polis, ia merupakan aset dan jika kita dapat lihat pada masa kini, kereta polis telah banyak yang dinaik taraf kepada jenama yang lebih reliable dan mampu untuk bersaing dengan penjenayah. Jika dahulu untuk mengejar penjenayah juga agak sukar kerana faktor kenderaan yang tidak berdaya saing. Pesenjataan juga telah dinaik taraf mengikut situasi semasa dunia yang lebih moden. Hal ini seterusnya membawa kepada SDG 16 iaitu keamanan, keadilan dan institusi berwibawa. Perakaunan akruan seharusnya mampu memberi gambaran kedudukan kewangan institusi sektor awam yang lebih menyeluruh dan tepat”.

Peserta sesi perbincangan kumpulan fokus turut merasakan terdapat beberapa SDG lain yang dipraktikkan dalam amalan pengurusan organisasi mereka.

Para peserta PBT ada menyebut beberapa SDG bukan hanya agenda alam sekitar, ia adalah juga agenda kesejahteraan komuniti dan pertumbuhan ekonomi menyeluruh. Antara yang telah dipraktikkan berkaitan SDG 1: Kemiskinan tegar - Kewajipan kepada PBT untuk memastikan tiada kemiskinan dalam komuniti setempat. Misalnya, melalui kaedah penyewaan gerai seliaan PBT dengan harga yang jauh lebih murah berbanding kadar sewaan di pasaran umum.

Selain daripada itu, SDG 2: Kelaparan sifar - PBT mempunyai kuasa yang meluas dalam memastikan susun atur dan perancangan sesebuah kawasan, bagi memastikan komuniti di sesebuah kawasan terjamin dari sudut kemanusiaan dalam mendapatkan barangan keperluan dengan harga yang murah. Antaranya, pewujudan pasar malam adalah menjadi satu kewajipan di sesebuah kawasan penempatan yang padat. Hal ini kerana, pembangunan yang pesat di sesebuah kawasan akan menjadikan kos keperluan meningkat. Oleh itu, dengan kewujudan tapak pasar malam yang disewakan dengan harga yang murah oleh PBT akan dapat menghidupkan sesebuah kawasan dan seterusnya memastikan tiada kejadian kelaparan dalam masyarakat. Seterusnya, SDG 3: Kesejahteraan dan kesihatan yang baik - Memastikan kesejahteraan komuniti setempat berada dalam keadaan yang melalui perkhidmatan yang ditawarkan. SDG 11: Bandar dan komuniti yang mampan - PBT menyediakan perkhidmatan kebersihan dan memastikan persekitaran yang cantik dalam memastikan keselesaan komuniti terjamin.

Pandangan yang diberikan oleh peserta perbincangan kumpulan fokus ini selari dengan kajian lepas yang menyatakan kerajaan tempatan adalah organisasi yang ideal untuk mengenal pasti orang yang hidup dalam kemiskinan di kawasan PBT. Tanggungjawab PBT untuk perkhidmatan asas tempatan, seperti air dan sanitasi, menjadikan agensi-agensi perkaitan rakan pembangunan dalam pencapaian SDG 1. Menurut Dr. Azmizam Abdul

Rashid yang merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Urbanice Malaysia di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), PBT juga boleh memainkan peranan dengan membangunkan pembangunan ekonomi tempatan strategi untuk mewujudkan pekerjaan dan, meningkatkan pendapatan.

Selain daripada itu, beliau menyatakan SDG 2 daripada perspektif PBT boleh menyokong pertanian pengeluaran dan pertumbuhan ekonomi tempatan dengan menguatkan pengangkutan infrastruktur dan pasaran untuk menggalakkan rantai makanan tempatan PBT mesti memastikan warganya mampu membeli dan memasak makanan yang selamat, berpatutan dan berkhasiat. SDG 11: Pembangunan memberi penekanan kepada peningkatan kualiti hidup rakyat, kesamarataan pembangunan dan pengekalan alam sekitar. Ini juga selaras dengan komitmen agenda terhadap pembangunan mampan global (Rashid, 2018). PBT juga dilihat terserlah dalam mengaplikasikan SDG memandangkan peranan mereka yang lebih hampir kepada komuniti setempat berbanding kementerian.

Kesimpulannya, kajian ini melihat aspek pelaporan yang lebih telus dengan mengamalkan perakaunan akruan dalam kalangan sektor awam, akhirnya dapat menyokong usaha terhadap pencapaian SDG. Secara spesifik, pelaksanaan perakaunan akruan dan penggunaannya sebagai impak dapat menyokong kepada pengurusan dan pelaporan kewangan yang lebih telus dan komprehensif mampu merealisasikan usaha ke arah pencapaian SDG 2030 sejajar dengan objektif perakaunan akruan yang disasarkan oleh pihak kerajaan Malaysia (JANM, 2014).

4.4 Maqasid Syariah

Dalam pada masa yang sama *Maqasid Syariah* telah dihuraikan secara meluas, ini kerana istilah *Syariah* itu sendiri mempunyai 5 tujuan yang menjadi prinsip *Maqasid Syariah* iaitu menjaga dan melindungi i) agama (*al-din*), ii) nyawa (*al-nafs*), iii) akal (*al-aql*), iv) keturunan (*al-nasb*) dan v) harta (*al-mal*), manakala sebarang bentuk perlindungan adalah berkait rapat dengan *maslahah* (kepentingan). Kajian lepas merumuskan menjaga *maslahah* awam dengan berpegang kepada *Syariah* adalah sangat dituntut untuk kepentingan sekalian alam (Zakariyah et al., 2017).

Jika dilihat dalam konteks peralihan kepada perakaunan asas akruan iaitu melibatkan perubahan dasar - piawaian perakaunan kerajaan atau lebih dikenali sebagai *Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS)* dengan mensasarkan pelbagai faedah. Berdasarkan dapatan FGD, pada mulanya para peserta tidak dapat memahami perkaitan SDG, *Maqasid Syariah* dan perakaunan akruan. Namun begitu, melihat kepada penelitian lima elemen *Maqasid Syariah* itu sendiri sebenarnya ia mempunyai hubung kait dengan fungsi perakaunan. Peserta K1-A menyatakan bahawa:

“Pada pandangan saya, agak sukar juga untuk saya memahami perkaitan Maqasid Syariah dengan perakaunan akruan ini. Since latar belakang pendidikan saya bukan di dalam bidang keagamaan. Tetapi saya bersetuju jika melihat item-item atau elemen Syariah itu sendiri memberi maksud yang sangat baik kepada masyarakat. Mungkin saya dapat kaitkan elemen Syariah seperti agama dengan perakaunan akruan: Sebagai contoh melalui penguatkuasaan oleh agensi/jabatan/bahagian di bawah kementerian ini membantu untuk menjaga agama Islam. Bahan-bahan seperti percetakan, penerbitan dan perfileman semua ini memerlukan kebenaran daripada pihak kami bagi menjaga agama. Contoh-contoh lain juga perkaitan antara elemen Syariah seperti keturunan dengan perakaunan akruan adalah seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Segala transaksi dan maklumat berkaitan hasil/perbelanjaan ada melibatkan penggunaan perakaunan akruan. Ini sedikit sebanyak dapat dilihat bahawa penggunaan perakaunan akruan ini sangat penting dan berkait dengan SDG yang hakikatnya selaras dengan elemen Maqasid Syariah”.

Peserta K1-B juga menyatakan persetujuan bahawa:

“Benar. Saya setuju Maqasid Syariah ini mempunyai kaitan juga dengan SDG dan Perakaunan Akruan. Mungkin banyak lagi contoh-contoh lain yang dapat kita lihat pada masa akan datang”.

Selaras dengan konsep *Maqasid Syariah* itu sendiri yang berasal daripada ontologi dan epistemologi Islam dengan *Al-Quran*, *As-Sunnah*, *Ijma* dan *Qiyas* sebagai sumber asas keputusan (Said et al., 2017). *Maqasid Syariah* merangkumi bidang aktiviti manusia sebagai suatu ibadah di mana aktiviti-aktiviti ini dilaksanakan melalui satu set aktiviti berdasarkan operasi. Menurut Imam Ghazali, matlamat *Maqasid Syariah* adalah untuk melindungi kesejahteraan orang ramai yang terletak pada menjaga keimanan (*deen*), kehidupan mereka (*nafs*), akal (*aql*), keturunan mereka (*nasb*) dan kekayaan mereka (*mal*) (Kamaruddin et al., 2021; Fisol & Hassan, 2019). Tema yang mendasari adalah merealisasikan faedah untuk masyarakat (*maslahah*) atau kepentingan awam. Lima faktor tersebut berada di bawah *Dharuriyyah* atau Keperluan. Melalui pendekatan *Maqasid Syariah* yang meliputi perkara asas iaitu menjaga dan melindungi serta memiliki (Dusuki & Bouheraoua, 2011). Melalui penerapan elemen *Maqasid Syariah* penggunaan maklumat perakaunan akruan ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan agar ianya dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat secara adil dan saksama. Peserta PBT1-C juga menambah antara aplikasi elemen dalam *Maqasid Syariah* sewajarnya dipraktikkan secara am, begitu juga dalam penyediaan perakaunan asas akruan. Ini termasuk prinsip amanah, adil dan telus dalam pelaporan dan pembuatan keputusan. Manakala K1-A menegaskan kepatuhan kepada polisi adalah utama dalam pelaporan ini yang selari dengan prinsip-prinsip Islam ke arah pelaporan yang telus.

Seiring dengan SGD 16: Keamanan, keadilan dan institusi berwibawa, penggunaan perakaunan akruan sewajarnya menghasilkan pelaporan yang mampu memberi gambaran menyeluruh berkaitan kedudukan kewangan institusi sektor awam dengan lebih tepat dan dipercayai. Seterusnya, pengurusan kewangan yang baik hasil pelaksanaan perakaunan akruan dan penggunaan maklumat akruan tersebut turut menyokong pelbagai strategi dalam SDG yang hakikatnya selari dengan elemen *Maqasid Syariah* untuk memastikan keadilan dan kebajikan rakyat dalam meningkatkan *Maqasid Syariah* (Laela et al., 2018; Fisol dan Hassan, 2019).

5. Rumusan

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mengesahkan bahawa penggunaan maklumat perakaunan akruan di kementerian dan PBT menyokong dalam menguruskan aktiviti belanjawan, pengurusan aset dan liabiliti walaupun kurang penggunaannya dalam pengurusan prestasi, namun masih dapat membawa kepada penzahiran akauntabiliti dengan pelaporan yang menyeluruh dan lebih tepat. Melihat kepada strategi yang terdapat di dalam SDG dan elemen *Maqasid Syariah*, para peserta sependapat dengan jelas signifikan penggunaan maklumat akruan, bukan setakat pelaksanaan perakaunan akruan sahaja. Justeru, kajian ini menambah literatur sedia ada dalam kajian perakaunan akruan.

Selain itu, kajian ini dapat mengisi jurang kajian lepas dengan melihat impak penggunaan maklumat perakaunan akruan terhadap SDG dalam sektor awam. Dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pihak berwajib, khususnya untuk memastikan maklumat akruan digunakan sebaik mungkin dalam pembuatan keputusan yang menentukan kejayaan pelaksanaan perakaunan akruan. Dengan mengetahui impak penggunaannya dalam kalangan kakitangan awam, pihak kerajaan boleh terus mempertingkatkan latihan berkaitan dan mengenal pasti sebarang kekangan untuk terus memperkukuhkan pelaksanaan perakaunan akruan sebagai ketersediaan. Akhirnya, dengan pelaksanaan perakaunan akruan dan penggunaan maklumat akruan tersebut dalam sektor awam, secara tidak langsung akhirnya dapat menyokong ke arah pencapaian SDG yang secara prinsipnya dapat meningkatkan *Maqasid Syariah*. Oleh yang demikian, kedua-dua pihak di peringkat kementerian dan PBT menyokong kepada rangka kerja pelaporan berintegrasikan SDG berlandaskan *Maqasid Syariah* sejajar dengan agenda nasional iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

Rujukan

- Abdul Aziz, A. F., & Mohamad, S. (2013). *Fulfillment of Maqasid Al-Syariah via Takaful*, MPRA Paper, pp. 1–25.
- Abdul Rahman, A.R & Goddard, A. (1998), An Interpretive Inquiry of Accounting Practices in Religious Organisations, *Financial Accountability & Management*, 14(3), 183-201.

- Abdullah, S. (2012). Risk Management via Takaful from a Perspective of Maqasid of Syariah, *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 65, pp. 535–541.
- Abubakar, Y. S. (2016). Corporate Social Responsibility of Islamic Financial Institutions: A Look from the Maqasid Al-Syariah (Purpose of Syariah) Approach. *Business and Economics Journal*,7(255), pp. 1–4.
- Ahmad, N. N. (2016). Investigating the Factors Influencing Users' Resistance towards Accrual Accounting. *Procedia Economics and Finance*, 35(October 2015), pp. 17–26.
- Alghizzawi, M. A., & Masruki, R. (2020). Government Accountants 'Readiness for Accrual Accounting Adoption in Jordan: Critical Success Factors. *Asia-Pacific Management Accounting Journal*, Vol. 15, No. 2, pp.26–45.
- Al-Ghazali, M. (1998). *al-Mustasfa min 'ilm al-usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Islamiyyah. 1. pp. 174.
- Alijarde B. (1997). The usefulness of financial reporting in Spanish local governments. *Financial Accountability and Management*, 13(1), pp.17-34.
- Al-Tholaya, A.M.H. (2013). *Governmental Accounting Innovation in Yemen: The Introduction of Accruals Accounting and the Moderating Role of E-Government*. Thesis the Degree of Doctor of Philosophy, University Of Malaya, Kuala Lumpur.
- Annan-Diab, F., and Molinari, C. (2017). Interdisciplinary: Practical approach to advancing education for sustainability and for the Sustainable Development Goals, *The International Journal of Management Education*, 15(1), pp. 73-83.
- Andriani Y., Kober R. & Ng J. (2010). Decision usefulness of cash and accrual information: public sector managers' perceptions. *Australian Accounting Review*, No. 53, 20(2).
- Antonio, S. M., Sanrego, Y. D., & Taufiq, M. (2012). An Analysis of Islamic Banking Performance: Maqashid Index Implementation in Indonesia and Jordania. *Journal of Islamic Finance*, 1(1) , pp. 12–29.
- Ascarya, & Sukmana, R. (2014). *Modeling Islamic Financial Institution Performance Measurement Based on Maqashid Al-Syariah*. Paper Presented at Workshop on Maqasid al-Syariah based Index of Socio-Economic Development, Yogyakarta, 26-27 June 2014.
- Atan, R., & Yahya, F. M. (2015). Accrual Accounting Change: Malaysian Public Sector Readiness. *Journal of Management Research*, 7(2), pp. 459.

- Bahari, H. B., Hussin, U. S. M., Hadi, S. N. I. A. (2019). Kajian Terhadap Keberkesanan Penggunaan Sistem '1 Government Financial Management Accounting System' (1GFMAS) dalam Pengurusan Kewangan di Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak. *Al Qimah Al Mudhafah the Journal of Management and Science*, 5(1), pp. 1-8.
- Basnan, N., Salleh, M. F. M., Ahmad, A., Harun, A. & Harun, A. M. (2012). Perakaunan dan Pelaporan Aset Warisan, Aset Pertahanan dan Aset Infrastruktur Berasaskan Akruan, *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 2(1), pp. 29-40.
- Basnan, N., Salleh, M. F. M., Ahmad, A., Harun, A., Harun, A. M. (2013). Ke Arah Pelaksanaan Perakaunan Asas Akruan di Malaysia: Cadangan Perakaunan dan Perundangan Bagi Aset Warisan, *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 3(1), pp. 15-66.
- Bebbington, J. and Unerman, J. (2018). Achieving the United Nations Sustainable Development Goals: An enabling role for accounting research. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*, 31(1), pp. 2-24. <https://doi.org/10.1108/AAAJ-05-2017-2929>
- Bedoui, H. E., & Mansour, W. (2014). Performance and Maqasid al-Shari'ah's Pentagon -Shaped Ethical Measurement, *Science and Engineering Ethics*, 21, pp. 555–576.
- Bedoui, M. H. E. (2012). *Shari'a-based ethical performance measurement framework*. Paper Presented at The Chair of Ethics and Financial Norms in 2012.
- Chan, J.L. (2003). Government Accounting: An Assessment of Theory, Purposes and Standards. *Public Money and Management*. 23 (1), pp. 13-20.
- Christiaens J., Rommel J., Barton A. & Everaert P. (2012). Should all capital goods of governments be recognized as assets in financial accounting. *Journal of Public Budgeting, Accounting & Financial Management*, 15(1), pp. 92-109.
- Connolly, C. & Hyndman, N. (2006). The actual implementation of accruals accounting: Caveats from a case within the UK public sector. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*, 19(2), pp. 272 – 290.
- Doorgakunt, L.D.B., Omoteso, K., Mirosea, N. & Boolaky, P.K. (2021). Revisiting International Public Sector Accounting Standards Adoption in Developing Countries. *International Journal of Public Administration*, 45:13, 948-963.
- Dusuki, A. W., & Bouheraoua, S. (2011). *The Framework of Maqasid Al-Syariah (Objectives of Syariah) and its Implications for Islamic Finance*. 2.

- Fisol, W. N. M., & Hassan, N. S. A. (2019). Belanjawan 2019 Melalui Pendekatan Maqasid Syariah. *Jurnal Dunia Perniagaan*, 1(2), pp. 1-10.
- Fisol, W.N.M., Al-Basri, S.H., Ismail,M. (2017). The Scientific of the Fundamentals of Maqasid in Islamic Financial Products Development. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 7(10), pp. 683-692.
- Fukiya, T. (2016). *Comparative studies of IPSASs and Japanese governmental accounting standards Introduction and IPSAS 1 Presentation of Financial Statements*.
- Hamid, W., Ubud, S., D, D., & Aisjah, S. (2016). Trade Principles and Sharia-Adherence Banking Performance Analysis by Employing Maqasid Islamic Sharia Index Approach: Study on Indonesian Sharia Bank. *Russian Journal of Agricultural and Socio-Economic Sciences*, 11(59), pp. 66–74.
- Hanefah, M.H. & Kamaruddin, M.I.H., Masruki, R., Johari, F., & Kamarubahrin, A.F. (2021). Empirical Analysis on Quality Waqf Reporting Practices of Waqf Institutions in Malaysia. In B. Alareeni, A. Hamdan, & I. Elgedawy (Eds.), International Conference on Business and Technology (ICBT 2020). *Lecture Notes in Networks and Systems* (Vol. 194) (pp.1565-1582). Switzerland: Springer Nature. ISBN: 978-3-030-69220-9. DOI: 10.1007/978-3-030-69221- 6_115
- Indriani, M., Mulyany, R., Nadirsyah, N., & Munandar, W. (2018). Readiness of Local Government in the Implementation of Accrual Accounting: The Case of Local Government in Aceh, Indonesia. *Jurnal Dinamika Akuntansi Dan Bisnis*, 5(1), pp. 87–100.
- Ismail, S., Siraj, S. A., & Baharim, S. (2018). Implementation of Accrual Accounting by Malaysian Federal Government: Are the Accountants Ready? *Journal of Accounting & Organisation Change*, 14(2), pp. 234–247.
- Ismail, S. K., Ahmad, R., & Khalid, K. A. (2016). The Concept of al-Darurah Tuqaddar Biqadariha in the Maternity Garment Innovation from the Perspective of Maqasid al-Shari'ah, *Syariah Journal*, 4(3), pp. 341–368.
- Ismail, S. K., Ridzwan, A., Aziz, S. A., & Amiruddin, S. (2016). Keperluan Membuka Aurat Ketika Rawatan Antenatal Menurut Perspektif Maqasid Al-Syari'ah. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 12, pp. 39–56.
- Jainal, J., & Basnan, N. (2018). Penggunaan Maklumat Perakaunan Akruan Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia. *International Journal of Business, Economics and Law*, 15(1), pp. 1-12.

- JANM (2014). Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Latar Belakang. Perakaunan Akruan. Dilayari daripada <https://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/Latar-Belakang.aspx> pada 17 Mac 2021.
- Jayasinghe, K. & Soobaroyen, T. (2009). Religious “spirit” and peoples' perceptions of accountability in Hindu and Buddhist religious organizations. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*, 22 (7), 997-1028. (doi:10.1108/09513570910987358)
- Kamaruddin, M.I.H., & Hanefah, M.H. (2021). Bridging Zakat Impacts toward Maqasid Shariah and Sustainability Development Goals (SDGs), Influence of Corporatization and Experiences on Covid-19. In M. M. Billah (Ed.), *Islamic Wealth and the SGDs: Global Strategies for Socio-Economic Impact* (pp.393-420). Switzerland: Palgrave Macmillan. ISBN: 978-3-030-65312-5 DOI: 10.1007/978-3-030-65313-2_20
- Kamaruddin, M.I.H, Hanefah, M.M & Masruki, R. (2021). Empirical Investigation on Awqaf and Its Socio-Economic Impact in Malaysia. In M. M. Billah (Ed.), *Waqf Led Social Finance: Innovative Solutions to Modern Applications* (pp. 218-233). London: Routledge. ISBN: 978-0-367-40537-3. DOI: 10.4324/9780429356575-21
- Kasri, R. A. (2016). Maqasid al-Syariah and performance of zakah institutions. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, 9, pp. 19–41.
- Kasri, R. A., & Ahmed, H. (2015). Assessing Socio-Economic Development based on Maqāṣid al-Sharī'ah Principles: Normative Frameworks, Methods and Implementation in Indonesia. *Islamic Economic Studies*, 23(1)1, pp. 73–100.
- Kober, R., Lee, J., & Ng, J. (2010). Mind your accruals: perceived usefulness of financial information in the Australian public sector under different accounting systems. *Financial Accountability & Management*, 26 (3), pp. 267-297.
- Laela, S.F., Rossieta, H., Wijanto, S.H. and Ismal, R. (2018). Management accounting-strategy coalignment in Islamic banking, *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 11(4), pp. 667-694. <https://doi.org/10.1108/IMEFM-04-2017-0088>
- Lampe, H. W., Hilgers, D., & Ihl, C. (2015). Does accrual accounting improve municipalities' efficiency? Evidence from Germany. *Applied Economics*, 47(41), pp. 4349–4363.
- Mack, J. & Ryan, C. (2006). Reflections on the theoretical underpinnings of the general-purpose financial reports of Australian government departments. *Accounting, Auditing and Accountability Journal*, 19(4), pp. 592-612.

- Mahat, F., & Ali, N. A. (2012). Conceptual Understanding in Managing Change Towards Accrual Based Accounting in Malaysian Public Sector. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 2(1), pp. 53-66.
- Maliah, S., Muslim Har Sani, M., Hafiz-Majdi, A.R., Ahmad Zamri, O.H., Siti Alawiyah, S., & Ibrahim, N. (2016). Accounting and Accountability of Waqf, Zakat, and Baitul Mal (WZB) in Malaysia: A Review of Literature. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 6, pp. 1-12.
- Masruki, R., Hussainey, K. and Aly, D. (2022). "Stakeholder expectations of the accountability of Malaysian State Islamic Religious Councils (SIRCS): to whom and for what?". *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, Vol. 13 No. 5, pp. 760-777. <https://doi.org/10.1108/JIABR-04-2021-0130>
- Masruki, R. & Hanefah, M.M. (2021). Kajian Rintis Penggunaan Maklumat Perakaunan Akruan dan Impak terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals, "SDG") berdasarkan Maqasid Syariah. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 11(1), pp. 81-102.
- Masruki, R., Hussainey, K., & Aly, D. (2020). Factors Influencing Information Disclosure by Malaysian State Islamic Religious Councils: Evidence from Interviews. *Journal of Modern Accounting and Auditing*, Vol. 16, No. 8, pp.349-359. doi:10.17265/1548-6583/2020.08.002
- Masruki, R., Hussainey, K., & Aly, D. (2018). Mandatory reporting issues in Malaysian State Islamic Religious Councils (SIRC): Evidence from Interviews. *Journal of Engineering and Applied Sciences*, 13(8), pp. 2092-2097. DOI:10.3923/jeasci.2018.2092.2097
- Micallef, F. (1994). A new era in reporting by government departments. *The Australian Accountant: Journal of the Australian Society of Accountants*. 64(2), pp. 33-34.
- Mihaela, M., Paul, N. & Bogdan, C. (2012). The role of accounting information in the economic entity. *Journal Anale of Faculty of Economics*, Tibiscus University in Timisoara, 0, pp. 608-612.
- Mohamad, M. H. S., Ali, M. A., & Sharif, R. A. M. (2016). Determinants of Maqasid Al-Shari'ah Based Performance Measurement Practices: The Case of Malaysian Islamic Banks, *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 24(1), pp. 49–81.
- Mohamad, S., Adnan, M. A. M., & Yusoff, M. A. (2016). Aplikasi Maqasid Syariah dalam Pentadbiran Kerajaan Kelantan dari Tahun 1990 Hingga 2013: Satu Analisis. *Al-Basirah*, 6(1), pp. 141–155.

- Mohammed, M. O., & Taib, F.M. (2010). *Developing Islamic Banking Performance Measures Based on Maqasid al-Syariah Framework: Cases of 24 selected Banks*, Paper Presented at The Ninth Australian Society of Heterodox Economists Conference, Australia, 6-7 December 2010.
- Mussa, M. (2007). The Dollar and the Current Account Deficit: How much should we worry? *Journal of Policy Modelling*, 29, pp. 691-696.
- Nik Wan, N.Z. (2005). The Major Impacts of Change from Cash to Accrual Accounting in the Public Sectors. *Gading Business and Management Journal*, 9(2), pp. 49-65.
- Oladapo, I. A., & Rahman, A. A. (2016). Maqasid Shari'ah: The Drive for an Inclusive Human Development Policy. *Syariah Journal*, 24(2), pp. 287-302.
- Pailis, E. A., Burhan, U., Multifiah, & Ashar, K. (2016). The Influence of Maqashid syariah toward Mustahik's Empowerment and Welfare (Study of Productive Zakat Recipients on Baznas Riau). *American Journal of Economics*, 6(2), pp. 96-106.
- Paulsson, G. (2006). Accrual accounting in the public sector: experiences from the central government in Sweden. *Financial Accountability & Management*. 22(1), pp. 0267-4424.
- Rashid, A.A. (2018). *Matlamat Pembangunan Mampan dan Agenda Perbandaran Baharu di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan: Dari Dasar Global Kepada Pelaksanaan Tempatan*. Dicapai daripada https://www.academia.edu/36182100/matlamat_pembangunan_mampan_dan_agenda_perbandaran_baharu_di_peringkat_pihak_berkuasa_tempatan_dari_dasar_global_kepada_pelaksanaan_tempatan. Pada 28 Ogos 2021.
- Ritonga, I. T. (2016). Lessons Learned from Early Implementation Stage of Accrual Accounting in Indonesia Local Government. A Case Study in Local Government of Province Jawa Timur. *The Indonesian Journal of Accounting Research*, 19(2), pp. 185-194.
- Said, R., Abd Samad, K., Mohd Sidek, N.Z., Ilias, N.F. and Omar, N. (2018). "Corporate social responsibility disclosure index of Malaysian Syariah – compliant companies". *International Journal of Ethics and Systems*, 34(1), 55-69. <https://doi.org/10.1108/IJOES-09-2016-0068>
- Saleh, Z., Isa, C. R., & Hasan, H. A. (2012). Accrual accounting: Change and managing change. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 2(4), pp. 41-52.

- Schaltegger, S., Etxeberria, I. and Ortas, E. (2017). Innovating Corporate Accounting and Reporting for Sustainability – Attributes and Challenges. *Sustainable Development*, 25(1), pp. 113-122.
- Scheers, B., Sterck, M. & Bouckaert, G. (2005). Lessons from Australian and British reforms in results-oriented financial management. *OECD Journal on Budgeting*, 5(2).
- Sousa G., Vasconcelos F., Caneca L., Niyama K. (2013). Accrual basis accounting in the Brazilian Public Sector: Empirical research on the usefulness of accounting information. *12th USP Sao Paulo*, 24(63), pp. 219-230.
- Stewart, J. D. (1984). *The role of information in public accountability*. In Issues in Public Sector Accounting (pp. 13–30). Philip Allan Publisher Limited.
- Storey, M., Killian, S. and O'Regan, P. (2017). Responsible management education: Mapping the field in the context of the SDGs. *The International Journal of Management Education*, 15(1), pp. 93-103.
- Tran, T. V., & Noguchi, M. (2020). Public efficiency in Tokyo's metropolitan local governments: The role of asset utilization and budgeting. *Public Money and Management*, 0962, pp. 954–962.
- Utusan (2021). *MBSA PBT pertama bentang VLR di forum SDG ECOSOC*. <https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/mbsa-pbt-pertama-bentang-vlr-di-forum-sdg-ecosoc/>
- Wood F. & Sangster A. (2002). *Business Accounting 1*, 9th edition. Financial Times Prentice Hall.
- Wooldrige, S.C., Garvin, M.J., and Miller, J.B. (2001) Effects of Accounting and Budgeting on Capital Allocation for Infrastructure Projects. *Journal of Management in Engineering*, 17(2), pp. 86-94.
- Wynne, A (2004) Is the Move to Accrual Based Accounting a Real Priority for Public Sector Accounting? *Public Fund Divest*. pp. 3-28.
- Yuliaty, R., Yuliansyah, Y., & Adelina, Y. E. (2019). The implementation of accrual basis accounting by Indonesia's local governments. *International Review of Public Administration*, 24(2), pp. 67–80.
- Yunos, R. (2019). *Maqasid Al-Syariah in the Brunei Civil Service: Civil Servants Perspectives*. Bandar Seri Begawan, Qasrun Nafis Publishing House.

Zakariyah, L., Mohd Noor, A., & Mhd Sharif, S. (2017). Accounting practices and charitable giving: Integrating Maqasid al-Syariah Framework for tabung masjid in Malaysia. *International Journal of Applied Business and Economic Research*, 15(16), pp. 495–514.

Zarandi, P., Ghafarib, E., Arab, M. & Mohsen, S. (2013). Accrual-based accounting system versus cash-based accounting: An empirical study in municipality organization. *Management Science Letters*, 3, pp. 251–256.